



SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
28 Ogos 2020

ASNB ISYTIHAR PEMBAYARAN PENGAGIHAN PENDAPATAN BERJUMLAH RM907.3 JUTA UNTUK ASM 2 WAWASAN

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana unit amanah harga tetap, Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2020.
- ASNB mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM907.3 juta yang memanfaatkan 890,038 pemegang unit dengan pegangan 22.6 bilion unit. Pengagihan pendapatan sebanyak 4.00 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan purata Deposit Tetap 12-bulan Maybank pada kadar 2.61% sebanyak 139 mata asas.
- Jumlah pembayaran pengagihan pendapatan kekal kompetitif walaupun dalam keadaan persekitaran pasaran sangat mencabar yang mana FBM KLCI menurun sebanyak 3.88% bagi tahun kewangan setakat 26 Ogos 2020, terutamanya disebabkan oleh kesan ekonomi daripada pandemik COVID-19.
- Urus niaga bagi ASM 2 Wawasan telah ditangguhkan buat sementara waktu di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara bermula 27 hingga 31 Ogos 2020 untuk tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka di <http://www.myasnb.com.my> atau melalui aplikasi mudah alih myASNB apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 September 2020.

Kuala Lumpur, 28 Ogos 2020: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk unit amanah harga tetap Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2020.

ASM 2 Wawasan mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM907.3 juta yang memanfaatkan 890,038 pemegang unit dengan pegangan 22.6 bilion unit. Di sebalik prestasi pasaran saham yang sangat mencabar dipengaruhi oleh pandemik COVID-

19, pulangan 4.00 sen seunit ini kekal kompetitif dan mengatasi penanda aras pulangan purata Deposit Tetap 12-bulan Maybank pada kadar 2.61% sebanyak 139 mata asas bagi tahun kewangan semasa setakat 26 Ogos 2020, yang mana FBM KLCI mencatatkan penurunan sebanyak 3.88% daripada 1,612.1 ke 1,549.6 dalam tempoh yang sama.

ASM 2 Wawasan telah mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM802.3 juta untuk 11 bulan pertama tahun kewangannya pada 31 Julai 2020. Dana ini menjana jumlah pendapatan kasar direalisasi sebanyak RM1,043.7 juta, dengan keuntungan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat tersenarai dan tidak tersenarai berjumlah RM579.4 juta atau 55% daripada jumlah pendapatan kasar direalisasi. Pendapatan daripada jualan saham menyumbang RM281.1 juta atau 27%, dengan baki RM183.2 juta atau 18% adalah daripada pelaburan dalam sukuk, deposit tetap Islamik dan instrumen berpendapatan tetap lain serta lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASM 2 Wawasan adalah berdasarkan purata baki minimum bulanan yang dimiliki sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 2 Wawasan akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 September 2020.

Semua urusan niaga bagi ASM 2 Wawasan telah ditangguhkan buat sementara waktu mulai 27 hingga 31 Ogos 2020 untuk tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB www.myasnb.com.my atau aplikasi mudah alih myASN, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB seluruh negara apabila urusan niaga kembali beroperasi pada 1 September 2020.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 tabung unit amanah dengan 260 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.4 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan)

ASM 2 Wawasan (dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020) merupakan unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 28 Ogos 1996. ASM 2 Wawasan merupakan unit amanah aset campuran yang bersesuaian untuk pelabur yang memahami risiko dan pulangan pelaburan serta menjangkakan manfaat dari pertumbuhan jangka panjang hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2020

DANA HARGA TETAP



ASM 2 Wawasan

4.00 sen seunit


RM 907.3 juta
Jumlah Pengagihan

MEMANFAATKAN

890,038
Pemegang Unit



Pengagihan pendapatan 4.00 sen/seunit memberikan sebaran sebanyak 139 mata asas mengatasi penanda aras dan 788 mata asas berbanding pulangan harga FBM KLCI



Nota:

1 Purata Pulangan Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank bagi tahun kewangan sehingga 26 Ogos 2020

2 Pulangan Harga FBM KLCI bagi tahun kewangan sehingga 26 Ogos 2020

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.